

# MESYUARAT AGONG TAHUNAN BAKAT PANGKALAN UDARA GONG KEDAK 2019

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4533-mesyuarat-agong-tahunan-bakat-pangkalan-udara-gong-kedak-2019](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4533-mesyuarat-agong-tahunan-bakat-pangkalan-udara-gong-kedak-2019)

GONG KEDAK, 15 Feb 19 - Mesyuarat Agong Tahunan BAKAT Pangkalan Udara Gong Kedak telah berlangsung di Dewan Puteri PU Gong Kedak. Mesyuarat tersebut dihadiri seramai 480 orang ahli BAKAT dan dirasmikan oleh Komander Pangkalan, Brig Jen Rozainy bin Ahmad Rapiee @ Ahmad Rofie TUDM. Turut hadir sama Pengerusi BAKAT Pangkalan Puan Rosniza binti Md Yusoff, Penasihat BAKAT Pangkalan, Lt Kol Badrul Hisyam bin Mohd Noor TUDM dan Pegawai BAKAT Pangkalan, Lt Nurnadirah binti Ahmad Zaimi TUDM.

Komander Pangkalan juga telah menyampaikan sijil penghargaan kepada Ahli Jawatankuasa BAKAT bagi sesi 2018. Mesyuarat Tahunan BAKAT telah dipengerusikan oleh Pengerusi BAKAT PU Gong Kedak, Puan Rosniza binti Md Yusoff. Antara agenda mesyuarat ialah mengesahkan dan meluluskan minit mesyuarat, membincangkan perkara-perkara berbangkit, pembentangan laporan kewangan oleh bendahari BAKAT serta membentangkan aktiviti-aktiviti BAKAT yang dijalankan sepanjang tahun 2018.

Selain itu, mesyuarat ini dijalankan untuk melantik Ahli Jawatankuasa BAKAT yang baru bagi menerajui BAKAT Udara PU Gong Kedak bagi tahun 2019. Mesyuarat juga membentangkan perancangan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti bagi tahun 2019 serta perlantikan Pegawai BAKAT Pangkalan baru sesi 2019 iaitu Lt Sharifah Shahirah Yusni binti Mohd Yusoff TUDM-. Turut diadakan pada sesi akhir iaitu Cabutan Bertuah kepada Ahli-ahli BAKAT Pangkalan Udara Gong Kedak yang hadir pada mesyuarat pada kali ini.



